

VOT 71854

**PROGRAM PERISIAN DIREKTORI HADIS MENGENAI MUAMALAT  
DALAM EDISI BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS**

**NURAZMALLAIL BIN MARNI  
DR. TAMAR JAYA BIN NIZAR  
WAN SAARI BIN WAN ALIAS  
ABD WAHAB ISHARI BIN MOHAMAD HASHIM  
SAYED MAHUSSAIN BIN SAYED AHMAD  
ARIEFF SALLEH BIN ROSMAN  
AHMAD SALLEHUDIN BIN MOHAMAD**

RESEARCH VOTE NO :

**71854**

Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial  
Universiti Teknologi Malaysia

2004

## ABSTRACT

### HADITH DIRECTORY SOFTWARE REGARDING THE ASPECT OF 'MU'AMALAT IN MALAY LANGUAGE AND ENGLISH EDITION

Generally, Muslims knowledge in Malaysia regarding the comprehension of Hadith is very poor. Based on research made, the majority of Muslim families do not have the collections of Hadith. This situation appears to be happened when part of them never have the awareness concerning the importance of Hadith, and some say that it is hard to find a real Hadith reference nowadays and due to the high cost to collect the hadith's collections. Therefore, a web-based system known as "*Hadith Directory Software Regarding The Aspect of 'Mu'amalat In Malay Language and English Edition*" has been developed. The softwares used in this system development are Active Server Pages (ASP), Personal Web Server (PWS) and Microsoft Access 2000. This system offers a specific hadith search function based on the name of the chapters so that it can be retrieved faster and precisely. The users of this system can be categorized into four categories: Ordinary users, Member users, Panel Users and 'Verify Board' users. It is hoped that this system might be helpful in overcoming the problems of hardly to find hadith reference, in addition reducing the time and cost. The result from the overall research is found that this system has the potential to develop integrally. To ensure this system will meet the objective, we suggest an involvement within IPTA in conjunction with the government's aim towards cyber world. The government has to play role to lobby the system for people's knowledge. It is hoped this system could be the pioneer for other hadith system development at the international level in the future.

#### Key Researchers :

Nurazmallail bin Marni (Head)  
 Dr. Tamar Jaya bin Nizar  
 Sayed Mahussain bin Sayed Ahmad  
 Abdul Wahab Ishari bin Hashim  
 Wan Shaari bin Wan Alias  
 Arieff Salleh bin Rosman  
 Ahmad Sallehuddin bin Mohamad (Research Officer)

E-mail : [nurazmal@utm.my](mailto:nurazmal@utm.my)  
 Tel : 07-5535091 (ext. 35031)  
 Vote : 71854

## ABSTRAK

### PROGRAM PERISIAN HADIS MENGENAI MUAMALAT DALAM EDISI BAHASA MELAYSIA DAN BAHASA INGGERIS

Umumnya, pengetahuan masyarakat Islam di Malaysia mengenai hadis masih di tahap yang rendah dan sebahagian besarnya tidak mempunyai koleksi kitab-kitab hadis. Fenomena ini berlaku apabila sebahagian mereka tidak pernah tahu akan kepentingan kitab hadis dan sebahagian pula menyatakan bahawa sumber rujukan hadis agak sukar diperolehi serta melibatkan kos yang tinggi untuk memiliki kitab-kitab hadis. Oleh itu, sebuah sistem berasaskan web iaitu Program Perisian Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Melaysia dan Bahasa Inggeris telah dibangunkan. Perisian yang digunakan untuk pembangunan program ini ialah Active Server Pages (ASP), Personal Web Server (PWS) dan Microsoft Access 2000. Sistem ini menyediakan satu fungsi carian hadis berdasarkan nama bab dengan tepat dan pantas. Empat golongan pengguna yang akan menggunakan sistem ini ialah pengguna biasa, pengguna ahli, ahli panel dan lembaga pengesah. Adalah diharapkan sistem ini dapat mengatasi masalah kesukaran mencari dan membuat rujukan hadis selain dapat menjimatkan masa dan kos. Hasil daripada keseluruhan penyelidikan mendapati sistem ini berpotensi untuk dibangunkan secara bersepadu. Bagi memastikan sistem ini memenuhi objektifnya, kami mencadangkan agar kerjasama antara IPTA perlu diwujudkan. Pihak kerajaan turut perlu memainkan peranan dalam melobi sistem ini kepada pengetahuan umum. Semoga sistem ini mampu menjadi perintis kepada pembangunan sistem hadis lain di peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

#### Ahli Penyelidikan :

Nurazmallail bin Marni (Ketua Penyelidik)

Dr. Tamar Jaya bin Nizar

Sayed Mahussain bin Sayed Ahmad

Abdul Wahab Ishari bin Hashim

Wan Shaari bin Wan Alias

Arieff Salleh bin Rosman

Ahmad Sallehuddin bin Mohamad (Pegawai Penyelidik)

E-mail : [nurazmal@utm.my](mailto:nurazmal@utm.my)  
Tel : 07-5535091 (ext. 35031)  
Vot : 71854

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>ABSTRACT</b>	ii
	<b>ABSTRAK</b>	iii
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	iv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	vi
	<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
	<b>SENARAI ISTILAH</b>	viii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	ix
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	x
<b>BAB I</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Pernyataan Masalah	2
	1.2 Matlamat Kajian	2
	1.3 Objektif Kajian	3
	1.4 Batasan Kajian	3
	1.5 Kepentingan Kajian	3
<b>BAB II</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
	2.0 Latar Belakang Masalah	5
	2.1 Kajian Terhadap Sistem Sedia Ada	6
	2.1.1 Perisian <i>Stand-Alone</i>	6
	2.1.1.1 Alim 6.0 (Quran & Hadith Software)	6
	2.1.1.2 Al-Bayan Version 2.0 (Hadith Agreed-upon by Al-Bukhari & Muslim)	7

2.1.1.3	Eksklopedia Hadis(Perisian E-Islamic)	7
2.1.1.4	Hadis Pilihan	8
2.1.2	Perisian Berasaskan Web	8
2.1.2.1	The Hadith Database ( <a href="http://www.iiu.edu.my/deed/hadith">http://www.iiu.edu.my/deed/hadith</a> )	8
2.1.2.2	Hadith Database ( <a href="http://www.usc.edu/dept/MSA/reference/searchhadith.html">http://www.usc.edu/dept/MSA/reference/searchhadith.html</a> )	9
2.2	Analisis Sistem Sedia Ada	10
2.3	Kajian Terhadap Teknik Carian	11
2.4	Kajian Terhadap Alatan ( <i>tools</i> )	12
2.4.1	<i>Microsoft Access 2000</i>	12
2.4.2	<i>Active Server Pages (ASP)</i>	12
2.4.3	<i>Personal Web Server (PWS)</i>	13
2.5	Analisis Sistem Yang Dicapadangkan	13

### **BAB III PERANCANGAN KERJA**

3.0	Pengenalan	16
3.1	Metodologi Prototaip	16
3.1.1	Prototaip Evolusi	17
3.1.2	Fasa-fasa Metodologi Prototaip	17
3.1.2.1	Fasa Analisis Sistem	18
3.1.2.2	Fasa Rekabentuk Sistem	18
3.1.2.3	Fasa Pembangunan Sistem	18
3.1.2.4	Fasa Pelaksanaan Sistem	19
3.2	Justifikasi Pemilihan Prototaip	19
3.3	Keperluan Perkakasan dan Perisian	20
3.3.1	Keperluan Perkakasan	20
3.3.2	Keperluan Perisian	21
3.4	Perancangan Kerja	22
3.5	Kesimpulan	22

### **BAB IV DATA & PERBINCANGAN**

4.0	Data	23
4.1	Perbincangan	24

4.1.1	Aliran Kerja Fasa Keperluan	24
4.1.1.1	Pemodelan Gambarajah Use Case	25
4.1.2	Aliran Kerja Fasa Analisis	36
4.1.3	Aliran Kerja Fasa Rekabentuk	37
4.1.3.1	Rekabentuk Pangkalan Data	38
4.1.3.1.1	<i>Table administrator</i>	38
4.1.3.1.2	<i>Table ahlipanel</i>	38
4.1.3.1.3	<i>Table hadis</i>	39
4.1.3.1.4	<i>Table lembagapengesah</i>	40
4.1.3.1.5	<i>Table user</i>	40
4.1.3.1.6	<i>Table userahli</i>	41
4.1.4	Aliran Kerja Fasa Pengujian	42
4.1.4.1	Proses Pengujian	42
4.1.4.1.1	Pengujian Unit	42
4.1.4.1.2	Pengujian Integrasi	43
4.1.4.1.3	Pengujian Sistem	43
4.1.4.1.4	Pengujian Penerimaan	43
4.1.4.2	Strategi Pengujian	43
4.1.4.2.1	Pengujian Kotak Hitam	44
4.1.4.2.2	Pengujian Kotak Putih	45
4.1.4.3	Kesimpulan	46
<b>BAB V</b>	<b>KESIMPULAN &amp; CADANGAN</b>	
5.0	Pendahuluan	47
5.1	Masalah dan Kelemahan Sistem	47
5.2	Cadangan Pembaikan dan Peningkatan Sistem	48
5.3	Kesimpulan	49
	<b>RUJUKAN</b>	50
	<b>LAMPIRAN</b>	51

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
4.0	Borang input maklumat	23
4.1.1a	Penerangan bagi setiap hirarki kelas	24
4.1.1b	Gambarajah kelas bagi Program Perisian Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Melaysia dan Bahasa Inggeris	25
4.1.1.1a	Keterangan model use case bagi pengguna sistem	26
4.1.1.1b	Keterangan model use case bagi ahli panel	30
4.1.1.1c	Keterangan model use case bagi administrator (pentadbir)	32
4.1.1.1d	Keterangan model use case lembaga pengesah	35
4.1.2	Gambarajah aliran kerja fasa analisis	37
4.1.4.1	Proses pengujian	42
4.1.4.2.1	Contoh mesej ralat apabila input tidak sah dimasukkan	44

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
3.1	Keperluan Perkakasan	20
3.2	Keperluan Perisian	21
4.1.3.1.1	<i>Table administrator</i>	38
4.1.3.1.2	<i>Table ahlipanel</i>	39
4.1.3.1.3	<i>Table hadis</i>	39
4.1.3.1.4	<i>Table lembagapengesah</i>	40
4.1.3.1.5	<i>Table user</i>	41
4.1.3.1.6	<i>Table userahli</i>	41



**SENARAI ISTILAH****BAHASA MALAYSIA**

Antaramuka  
Atas Talian  
Berasaskan Web  
Case Guna  
Cari  
Evolusi  
Implementasi  
Justifikasi  
Literatur  
Metodologi  
Pangkalan Data  
Pelayan  
Pentadbir  
Prototaip

**BAHASA INGGERIS**

Interface  
Online  
Web Base  
Use Case  
Search  
Evolution  
Implementation  
Justification  
Literature  
Methodology  
Database  
Server  
Administrator  
Prototype

**SENARAI SINGKATAN**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKNA</b>
ASP	Active Server Pages
HTML	Hypertext Mark Up Language
HTTP	HyperText Transfer Protocol
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JAKIM	Jabatan Agama Islam Malaysia
PPIPS	Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
PWS	Personal Web Server
RAD	Rajah Aliran Data
RDBMS	Relationship Database Management System
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UML	Unified Modelling Language
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
SQL	Structured Query Language
WWW	World Wide Web

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>
A	Carta Gantt (Operational Plan)
B	Data Ujian Bagi Hadis Muslim
C	Data Ujian Bagi Hadis Al-Bukhari

# BAB I

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Zaman sains dan teknologi telah berkembang pesat ke segenap lapisan dan bidang kehidupan manusia hari ini. Sejalan dengan perkembangan tersebut, era teknologi maklumat juga telah berkembang selaras dengan peredaran zaman. Dunia Islam turut tidak terlepas daripada penggunaan teknologi yang mana telah wujud pembangunan perisian yang mendigitalkan kitab suci al-Quran dan kitab-kitab hadis ke dalam bentuk rujukan berpandukan komputer. Usaha pendigitalan ini, merupakan satu alternatif yang digunakan sebagai rujukan masa kini. Selain al-Quran, hadis merupakan rujukan kedua umat Islam di dunia. Terdapat begitu banyak kitab hadis yang disusun oleh para ulama hadis namun kitab yang diberi keutamaan dan dianggap paling selepas kitab suci al-Quran ialah kitab Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.

Hasil daripada kajian yang telah dibuat, terdapat banyak syarikat perisian di dunia masa kini memilih kitab hadis untuk didigitalkan menjadi sebuah perisian komputer. Ini termasuklah perisian secara “*Stand-Alone*” dan perisian berasaskan web atau “*Web-based*”. Antara syarikat tersebut ialah Divine Islam yang bertapak di United Kingdom, Al-Bayan, dan Aramedia. Kebanyakan perisian yang ada sekarang menggunakan bahasa Arab dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Ini bermakna perisian yang ada hanya boleh diguna oleh mereka yang tahu bahasa Arab dan Inggeris sahaja. Persoalannya, bagaimana perisian ini dapat membantu masyarakat Islam di Malaysia yang rata-ratanya menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan seharian.

Oleh itu, satu penyelidikan telah dibuat dan mendapati sebuah sistem iaitu 'Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris' perlu dibangunkan. Sistem ini merupakan sebuah sistem yang berasaskan web dan ia dilihat mempunyai banyak kelebihan berbanding sistem sedia ada.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Sememangnya sistem direktori hadis yang sedia ada menyediakan kemudahan carian hadis yang baik, tetapi masalah utamanya ialah ia menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantara. Ini bermakna hanya masyarakat Islam Malaysia yang menguasai atau sekurang-kurangnya memiliki asas Bahasa Arab sahaja yang boleh menggunakan sistem tersebut. Keadaan ini tentunya amat merugikan kerana sebahagian kecil sahaja masyarakat Islam di Malaysia yang boleh menggunakan kemudahan tersebut.

Walaupun terdapat sistem carian hadis berasaskan web dalam bahasa Malaysia yang dibangunkan oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), namun ia lebih berbentuk statik dan tidak interaktif. Di samping itu, ia tidak menyediakan satu kemudahan enjin carian yang dapat memudahkan pengguna melakukan carian kepada hadis yang dikehendaki. Sistem ini dilihat tidak mesra pengguna dalam memberi perkhidmatan kepada pengguna. Justeru, timbul kesedaran kepada penyelidik untuk membangunkan sebuah perisian direktori hadis yang berasaskan web sebagai langkah awal untuk membantu menyelesaikan masalah masyarakat di Malaysia membuat rujukan kepada hadis.

### **1.2 Matlamat Kajian**

Matlamat projek ini ialah untuk membangunkan sebuah sistem direktori atau carian hadis berasaskan web yang dapat menyelesaikan masalah dan memberi kemudahan kepada umat Islam di Malaysia dalam membuat rujukan tentang hadis. Sebagai langkah awal, kajian ditumpukan kepada hadis-hadis mengenai muamalat atau urusan niaga dan urusan kewangan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini menetapkan beberapa perkara sebagai objektif yang ingin dicapai iaitu;

- 1) Membangunkan sebuah sistem direktori atau carian hadis berasaskan web yang memudahkan proses mencari dan membuat rujukan tanpa batasan tempat dan masa tentang isu-isu yang berkaitan dengan muamalat.
- 2) Menambah kemudahan dan pilihan kepada sistem direktori hadis yang sedia ada kepada pengguna khususnya masyarakat Islam di Malaysia.
- 3) Menghasilkan sebuah sistem yang bersifat mesra pengguna dan fleksibel yang mana pengguna boleh terus mencari maklumat hadis yang dikehendaki dengan memasukkan katakunci carian ke dalam kotak carian.

### **1.4 Batasan Kajian**

Memandangkan kajian ini hanya projek penyelidikan jangka pendek, maka skop kajiannya hanya berkisar pada perkara-perkara berikut.

- 1) Bahan kajian ataupun data sistem perisian hanya meliputi dua buah kitab hadis sahaja iaitu Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.
- 2) Sasaran pengguna sistem ini lebih tertumpu kepada pengguna berbahasa Malaysia dan Inggeris kerana perisian sedia ada menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar penggunaan perisian.
- 3) Bidang kajian daripada sumber hadis adalah tertumpu kepada bidang muamalat yang merangkumi beberapa hukum fiqh iaitu zakat, jualbeli, gadaian, sewaan, pensyarikatan, pinjaman, harta pusaka, dan hutang-piutang.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam membantu umat Islam di Malaysia bagi mendapatkan rujukan tentang hadis dan terjemahannya. Meskipun ia hanya meliputi kitab Sahih al-Bukhari dan Sahih

Muslim, kewibawaan kedua-dua buah kitab hadis tersebut memang tidak dapat dinafikan lagi.

Di samping itu, sistem ini memainkan peranan yang penting dalam menyediakan maklumat yang dikehendaki oleh pengguna sama ada yang mahir, sederhana dan kurang mahir tentang selok belok hadis. Ini kerana setiap maklumat yang diterjemahkan akan melalui beberapa peringkat tapisan bagi memastikan terjemahan ini adalah tepat. Sistem ini juga bersifat fleksibel kerana pengguna boleh mencapai maklumat tentang terjemahan tidak kira di mana jua mereka berada kerana ia berasaskan web. Apa yang penting ialah sistem ini dapat memudahkan carian hadis dan terjemahannya serta meningkatkan minat umat Islam Malaysia terhadap hadis untuk dijadikan panduan dalam kehidupan.

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Latar Belakang Masalah**

Sebelum membangunkan projek ini, beberapa kajian dan penyelidikan yang terperinci telah dilakukan, termasuklah kajian terhadap peranan sistem sedia ada dalam memberi impak kepada umat Islam di Malaysia.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, terdapat keperluan dalam mewujudkan sistem baru kerana sistem sedia ada kurang berperanan dalam memudahkan umat Islam di Malaysia mencari hadis dan merujuk kepada kitab-kitab hadis. Setelah sistem baru dibangunkan, kajian mengenai keperluan terhadap sistem ini telah dijalankan. Antaranya ialah usaha mengenalpasti ciri-ciri asas bagi Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta kaedah yang paling sesuai bagi pengurusan data di pangkalan data. Langkah ini penting untuk menghasilkan suatu antaramuka (*interface*) dan ciri-ciri sistem yang baik serta mesra pengguna. Ini kerana, antaramuka yang ramah dan jelas adalah faktor yang penting untuk menggalakkan pengguna menggunakan sistem ini dengan lebih kerap.

Sepanjang tempoh kajian literatur dijalankan, banyak maklumat telah diperolehi antaranya ialah berkenaan dengan kesesuaian teknik untuk pembangunan sistem dan perisian atau perkakasan yang boleh menyokong pembangunan sistem ini dengan baik. Maklumat penyelidikan berkenaan sistem sedia ada dan keperluan sistem baru ini diperolehi daripada beberapa individu, artikel, jurnal, kertas kerja, internet dan sebagainya.



## 2.1 Kajian Terhadap Sistem Sedia Ada


Hasil daripada penyelidikan yang telah dibuat, terdapat puluhan sistem yang dibangunkan oleh organisasi tertentu berkaitan dengan hadis. Secara keseluruhannya, sistem-sistem tersebut boleh dibahagikan kepada sistem yang berasaskan web dan sistem yang bersifat 'Stand-Alone'.

### 2.1.1 Perisian Stand-Alone

Sistem 'Stand-Alone' biasanya diletakkan dalam bentuk cakera keras (CD) dan had penggunaannya adalah kepada komputer tertentu sahaja. Antara sistem yang telah dikenalpasti daripada kategori ini ialah:

#### 2.1.1.1 Alim 6.0 (Quran & Hadith Software)



Umumnya, sistem ini sangat unik dan menyediakan satu kemudahan yang sangat baik bagi mereka yang ingin mendalami ilmu hadis. Sistem ini ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Ia boleh didapati secara 'on-line' di internet. Sistem ini juga dilihat memiliki antaramuka yang ramah pengguna dan dibekalkan juga fungsi carian hadis yang cepat.



Contoh : Perisian Alim 6.0

### 2.1.1.2 Al-Bayan Version 2.0 (Hadiths Agreed-upon by Al-Bukhari and Muslim)

Perisian Al-Bayan dibangun oleh pihak Perisian Sakhr iaitu sebuah organisasi yang besar dalam pengaturcaraan dalam bahasa Arab. Perisian ini mengandungi 1700 hadis yang dipetik dan diterjemahkan daripada kitab Sahih Muslim dan Sahih al-Bukhari. Perisian ini boleh didapati dalam 6 versi bahasa. Perisian ini juga boleh didapati secara 'on-line'. Secara keseluruhan perisian ini menjalankan operasinya dengan mengindeks maklumat sebelum memaparkan maklumat tersebut dalam bentuk hadis, bab dan juga terjemahan. Walau bagaimana pun, antaramuka perisian ini agak kompleks dan tidak tersusun.



contoh: Al-Bayan Version 2.0

### 2.1.1.3 Eksklopedia Hadis (Perisian E-Islamic)

Perisian ini dibangun oleh Syarikat e-Islamic. Ia mengandungi koleksi 9 buah kitab hadis iaitu Sahih Al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Al-Tirmidhi, Sunan Al-Nasa'i, Sunan Abu Dawud, Sunan Ibn Majah, Musnad Ahmad bin Hanbal, Muwatta' Al-Imam Malik dan Sunan Al-Darimi. Keseluruhannya, sistem ini mengandungi tidak kurang daripada 62000 hadis beserta terjemahannya. Namun, perisian ini menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya.



### 2.1.1.4 Hadis Pilihan


Perisian ini juga merupakan hasil keluaran syarikat e Islamic. Perisian ini menggunakan teknik paparan hadis berkonsepkan multimedia. Perisian ini dilihat lebih kepada satu alat pembelajaran berdasarkan ciri-ciri multimedia yang digunakan. Ia boleh diperolehi secara 'on-line' tetapi koleksi perisian ini agak terhad.



### 2.1.2 Perisian Berasaskan Web

Kategori kedua sistem perisian mengenai hadis ialah perisian yang berasaskan web atau dikenali sebagai 'web-based'. Terdapat beberapa perisian yang tergolong dalam kategori ini iaitu;


#### 2.1.2.1 The Hadith Database (<http://www.iiu.edu.my/deed/hadith>)



Sistem ini dibangunkan oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ia mengkategorikan hadis secara sub kategori atau tajuk. Sebagai contohnya, sembahyang, maka sub kategorinya pula adalah seperti masa sembahyang waktu sembahyang dan doa. Sistem ini merupakan sebuah sistem yang statik. Ia tidak

menggunakan pangkalan data. Antaramuka yang digunakan adalah ringkas dan kurang menarik. Ia menggunakan sepenuhnya Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar dan membenarkan pengguna untuk melakukan pilihan 5 buah kitab hadis iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Muwatta' Imam Malik, Hadis Qudsi dan Hadis 40 al-Nawawi.

### 2.1.2.2 Hadith Database (<http://www.usc.edu/dept/MSA/reference/searchhadith.html>)



Sistem hadis berasaskan web ini adalah hak milik MSA-USC sepenuhnya. Ia merupakan saluran koleksi terjemahan hadis yang disimpan dalam pangkalan data. Pengguna dibenarkan untuk melakukan carian berdasarkan katakunci. Sistem akan melakukan carian ke dalam pangkalan data berdasarkan katakunci yang dimasukkan dalam masa tidak lebih daripada seminit untuk dipaparkan. Koleksi terjemahan hadis yang boleh didapati daripada sistem ini ialah Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawwud dan Muwatta' Imam Malik.

## 2.2 Analisis Sistem Sedia Ada

Berdasarkan kajian terhadap sistem sedia ada dan hasil analisis yang dikeluarkan didapati sistem tersebut mempunyai beberapa masalah untuk dijadikan rujukan oleh umat Islam di Malaysia. Contohnya, antara kelemahan sistem perisian Alim 6.0, Al-Bayan Versi 2.0, Eksklopedia Hadis dan Hadis ialah ia dibangunkan dalam perisian berbentuk '*stand-alone*' yang mana penggunaannya agak terhad.

Selain itu, perisian ini juga sukar didapati kerana merupakan hasil keluaran syarikat luar negara. Walau pun syarikat-syarikat pengeluar ini menggunakan kaedah e-dagang bagi membenarkan pengguna mendapatkan perisian keluaran syarikat mereka, kos bagi sekeping cd perisian adalah sangat tinggi. Selain daripada masa penghantaran yang agak lama, sesetengah perisian seperti perisian Hadis Pilihan pembeliannya adalah terhad.

Di samping itu, kebanyakan perisian menggunakan sepenuhnya bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Keadaan ini menyebabkan perisian tersebut hanya sesuai bagi masyarakat Islam di kawasan Timur Tengah kerana bahasa Arab adalah bahasa ibunda mereka. Berlainan pula situasinya di Malaysia kerana tidak ramai umat Islam yang dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Oleh itu, walau secanggih dan selengkap mana pun sesebuah perisian, jika pengguna gagal untuk memahaminya maka sistem tersebut dilihat sebagai sampah.

Jika dibandingkan perisian '*stand-alone*' dengan perisian berasaskan web, didapati perisian berasaskan web mempunyai banyak kelebihan berbanding perisian stand alone daripada segi penggunaannya. Selain pengguna boleh mencapainya di mana-mana lokasi (persekitaran internet), pengguna juga tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk mendapatkannya. Oleh itu, boleh dikatakan perisian yang dibina berasaskan web ini boleh digunakan oleh semua orang di dunia.

Antara perisian berasaskan web yang telah diuji ialah;

1. <http://www.usc.edu/dept/MSA/reference/searchhadith.html> dan
2. <http://www.iiu.edu.my/deed/hadith>.

Hasil kajian mendapati sistem sebegini menyediakan satu kaedah rujukan hadis yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Kedua-dua laman tersebut tidak mengenakan sebarang bayaran kepada pengguna untuk mendapatkan maklumat daripada laman mereka. Walau bagaimana pun kedua-ke dua sistem ini masih mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu. Contohnya, sistem yang dibangunkan oleh UIAM iaitu <http://www.iiu.edu.my/deed/hadith> merupakan sistem web yang statik, tidak mempunyai pangkalan data dan kemudahan enjin carian hadis yang pantas. Selain itu, sistem ini tidak interaktif kerana tidak membenarkan interaksi berlaku antara pentadbir sistem, sistem dan pengguna.

Berlainan pula dengan sistem yang dibangunkan oleh pihak MSA iaitu <http://www.usc.edu/dept/MSA/reference/searchhadith.html>. Sistem ini lebih baik berbanding sistem yang dibangunkan oleh UIAM kerana menggunakan kaedah pengurusan pangkalan data. Kaedah ini menyebabkan sistemnya lebih tersusun dalam melakukan penyusunan maklumat. Namun, kelemahan sistem ini ialah ia hanya menyediakan paparan terjemahan sahaja. Apa yang sepatutnya ialah paparan hadis dalam teks yang asal perlu disertakan supaya pengguna lebih berpuas hati dan mudah merujuk jika berlaku kekaburan dalam penterjemahan hadis. Sistem ini juga tidak menyediakan sub sistem yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan sistem.

### **2.3 Kajian Terhadap Teknik Carian**

Salah satu fungsi utama bagi sistem yang akan dibangunkan ini ialah membenarkan pengguna untuk melakukan carian ke atas maklumat hadis yang diinginkan. Bagi memastikan sistem berupaya untuk memaparkan atau memberi respon yang pantas kepada pengguna, pemilihan teknik carian harus diambil kira. Ini kerana keupayaan sesebuah sistem carian itu dapat berfungsi dengan baik adalah bergantung kepada teknik carian yang dipilih.

Teknik carian ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu teknik carian biasa dan teknik carian pintar seperti teknik carian heuristik. Bagi pembangunan sistem ini, teknik carian yang dipilih ialah teknik carian biasa. Ini kerana teknik carian tersebut tidak memerlukan unsur kepintaran dalam proses cariannya.

Setelah beberapa ujian dijalankan, teknik carian yang didapati paling sesuai untuk digunakan ialah teknik yang berasaskan kaedah Structured Query Language (SQL) iaitu teknik carian terus ke pangkalan data. SQL adalah teknik carian yang dibangunkan oleh IBM dalam tahun 1970an untuk digunakan pada Sistem Pengurusan Pangkalan Data Hubungan (RDBMS). Hasil ujian yang telah dibuat, didapati teknik ini berjaya memenuhi kehendak carian yang diinginkan.

## **2.4 Kajian Terhadap Alatan (*Tools*)**

Kajian telah dijalankan bagi memilih alatan yang paling sesuai untuk digunakan dalam pembangunan sistem ini. Pemilihan perlu dilakukan dengan penuh teliti dan setiap pemberat bagi sesuatu alatan perlu diambil kira. Ini kerana faktor alatan yang dipilih juga memainkan peranan besar dalam menentukan keupayaan sesebuah sistem. Alatan ini meliputi mekanisma yang digunakan untuk membangunkan antaramuka yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan sistem. Selain itu, alat yang digunakan sebagai pangkalan data untuk menyimpan maklumat dan membangunkan sebuah server yang membolehkan berlakunya interaksi antara antaramuka pengguna, proses dan pangkalan data sistem. Berikut adalah alatan yang diguna bagi membangunkan perisian sistem ini.

### **2.4.1 Microsoft Access 2000**

Alatan ini digunakan sebagai pangkalan data sistem. Memandangkan sistem menggunakan persekitaran sistem pengoperasian Windows ME, maka pemilihan Microsoft Access 2000 adalah dilihat sebagai yang terbaik. Ini kerana semua operasinya disokong sepenuhnya oleh sistem pengoperasian yang digunakan.

### **2.4.2 Active Server Pages (ASP)**

ASP dipilih untuk digunakan dalam pembangunan sistem ini. Pembangunan terdiri daripada pembangunan antaramuka pengguna, proses-proses bagi membolehkan semua alatan bertindakbalas dan langkah keselamatan sistem. ASP dilihat sebagai

perisian yang paling menyokong pangkalan data Microsoft Access 2000. Selain itu, ASP juga amat sesuai digunakan dalam persekitaran sistem pengoperasian Windows.

### **2.4.3 Personal Web Server (PWS)**

Alatan ini digunakan untuk membangunkan sebuah server yang membolehkan sistem berinteraksi. Ini adalah penting kerana syarat bagi sesebuah sistem yang dinamik untuk berfungsi mestilah mempunyai sebuah server. PWS membolehkan data-data yang dimasukkan oleh pengguna disimpan ke pangkalan data. Selain itu, mekanisma yang membolehkan antaramuka pengguna dapat berinteraksi dengan pangkalan data ialah sebuah server. Dengan lain perkataan, server merupakan orang tengah yang menghubungkan antaramuka pengguna dengan pangkalan data.

## **2.5 Analisis Sistem Yang Dicadangkan**

Sistem yang akan dibangunkan ini dinamakan 'Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris'. Bagi memastikan pembangunan sistem ini dapat difahami dengan jelas, penerangan tentang tajuk sistem perlu diterangkankan terlebih dahulu. Sistem ini merupakan sistem perisian direktori yang dihubungkan penggunaannya dalam persekitaran internet. Ia melibatkan proses penyimpanan maklumat hadis ke dalam pangkalan data. Maklumat hadis yang disimpan adalah terdiri daripada maklumat hadis dari kitab Sahih Muslim dan Sahih al-Bukhari sahaja. Sistem ini merupakan sistem dwi bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Sistem ini dibangunkan untuk diguna oleh empat kelompok pengguna yang terdiri daripada orang awam, panel, lembaga pengesah dan pentadbir sistem. Orang awam merupakan pengguna biasa yang mana fokus bagi sistem ini ialah umat Islam di Malaysia. Kelompok awam ini dipecahkan kepada dua iaitu pengguna biasa dan pengguna ahli. Pengguna biasa menggunakan sistem untuk mendapatkan maklumat tentang terjemahan hadis. Mereka akan membuat pilihan pada menu utama sistem berdasarkan skop carian hadis sama ada Sahih Muslim, Sahih al-Bukhari atau kedua-duanya. Selain itu, pengguna juga perlu membuat pilihan carian sama ada carian yang



ingin dilakukan berdasarkan tajuk, nombor hadis, perkataan berangkai, satu perkataan atau kesemuanya. Setelah itu pengguna perlu memasukkan katakunci carian pada kotak yang disediakan dan tekan butang 'Search'. Setelah itu, sistem akan melakukan proses carian berdasarkan kriteria yang dipilih oleh pengguna dan capaian akan dibuat ke pangkalan data untuk memaparkan maklumat yang dikehendaki oleh pengguna. Pengguna juga boleh membuat sebarang komen sekiranya terdapat masalah yang mereka hadapi seperti kesalahan terjemahan dan sebagainya. Dengan menekan butang 'Komen Pengguna' pada menu utama, pengguna hanya perlu memasukkan maklumat mereka seperti nama, pekerjaan, alamat e-mail, perkara yang hendak dikomen dan komen mereka. Kesemua komen daripada pengguna akan dihantar untuk disemak oleh pihak pentadbir sistem.

Pengguna ahli pula melakukan proses yang sama dengan pengguna biasa, tetapi kelebihan diberikan kepada pengguna ahli kerana mereka boleh melakukan terjemahan hadis untuk dimuatkan ke dalam sistem. Pengguna ahli ini terdiri daripada orang yang mempunyai pengetahuan dalam ilmu hadis. Sebelum dibenarkan mengguna sistem untuk melakukan terjemahan, mereka perlu mendaftar terlebih dahulu. Apabila seseorang pengguna biasa telah mendaftar, dia akan menggunakan 'username' dan 'password' yang diperolehi sewaktu mendaftar untuk membolehkannya memasuki antaramuka terjemahan pengguna. Ini merupakan satu langkah keselamatan bagi mengelakkan sistem daripada gangguan pengguna yang tidak bertanggungjawab.

Panel pula adalah mereka yang dilantik oleh pihak Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk menyumbangkan terjemahan hadis. Mereka terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang hadis. Sebuah antaramuka khas disediakan oleh sistem untuk golongan ini. Sebagai langkah keselamatan, mereka diberikan 'username' dan 'password' yang khas bagi membolehkan mereka menggunakan antaramuka panel untuk melakukan terjemahan.

Lembaga pengesah pula adalah mereka yang dilantik oleh pihak Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Mereka terdiri daripada sarjana-sarjana yang mempunyai kepakaran dalam bidang

hadis. Mereka juga merupakan orang yang telah diperakui kepakarannya oleh Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Sebuah antaramuka khas lembaga pengesah disediakan oleh sistem untuk mereka. Masing-masing mempunyai '*username*' dan '*password*' yang berlainan. '*Username*' dan '*password*' ini merupakan kunci untuk membolehkan mereka melayari antaramuka lembaga pengesah. Tugas lembaga pengesah ini ialah mengesahkan ketepatan setiap terjemahan yang dibuat oleh pengguna ahli dan panel. Jika berlaku kesilapan dalam terjemahan, pembetulan akan dibuat dan dihantar kepada pihak pentadbir sistem.

Pentadbir sistem adalah juga mereka yang dilantik oleh pihak PPIPS UTM. Biasanya pentadbir sistem ini terdiri daripada orang yang berpengetahuan dalam bidang pentadbiran sistem dan pengurusan pangkalan data. Pentadbir sistem juga mempunyai katalaluan khas bagi membolehkan mereka memasuki antaramuka pentadbir. Tugas pentadbir sistem ini adalah seperti mengemaskini setiap komen pengguna, memasukkan maklumat terjemahan hadis yang disahkan oleh lembaga pengesah ke pangkalan data dan melakukan proses terjemahan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak PPIPS UTM.

## **BAB III**

### **PERANCANGAN KERJA**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan perancangan kerja bagi projek yang meliputi perancangan pemilihan metodologi, kaedah, teknik alat bantu dan instrumen yang diguna untuk membangunkan sistem. Ia juga menyentuh perancangan keperluan, sumber perkakasan dan perisian, jangkamasa untuk setiap fasa dan penjadualan tugas. Perancangan kerja ini bertujuan sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan projek agar sistem berjalan secara terancang dan sistematik.

#### **3.1 Metodologi Prototaip**

Dalam pembangunan sistem ini, model pembangunan sistem ialah model prototaip. Dengan menggunakan metodologi prototaip keperluan pengguna yang diperolehi pada awal pembangunan sistem memang diakui tidak lengkap. Berdasarkan maklumat awal tentang keperluan pengguna ini, rangka sistem akan dibina. Berdasarkan rangka sistem yang dibina pula, satu versi perisian akan dirancang dan dibina. Versi perisian ini dipanggil prototaip. Prototaip mungkin dibina untuk mewakili keseluruhan fungsi mengikut keperluan awal pengguna dan juga mungkin dibina untuk mewakili bahagian yang kritikal dan sukar difahami. Prototaip yang telah dibangunkan akan dilaksanakan oleh pengguna untuk disahkan. Komen dan cadangan daripada pengguna akan diambil

kira dan memainkan peranan penting dalam menghasilkan versi baru yang lebih menepati kehendak pengguna.

Terdapat dua jenis strategi prototaip iaitu Prototaip Evolusi dan Prototaip Keperluan. Dalam Prototaip Evolusi, prototaip yang disahkan akan diguna sebagai sistem sebenar setelah proses pengujian, validasi dan verifikasi dilakukan ke atasnya. Manakala prototaip keperluan adalah untuk menyampaikan suatu sistem untuk mengesah atau menentukan keperluan sistem. Prototaip jenis ini tertumpu kepada bahagian keperluan yang tidak jelas yang mana produk akhir akan dihasilkan pada fasa pembangunan sahaja.

### **3.1.1 Prototaip Evolusi**

Prototaip Evolusi merupakan suatu kaedah pembangunan sistem yang mana prototaip akan menjadi suatu penghasilan sistem yang penuh dan bukan spesifikasinya sahaja. Ia mempunyai persamaan dengan kaedah pembangunan sistem yang lain seperti RAD yang menjadi penyokong kepada proses analisis berulang, reka bentuk dan prototaip menjadi satu strategi yang efektif untuk membangunkan suatu sistem bantuan keputusan.

Proses pembangunan ini akan bermula pada bahagian keperluan sistem yang jelas difahami. Kemudian sistem ini akan dinilai oleh pengguna lalu ditambahkan ciri-ciri baru seperti yang dicadangkan oleh pengguna. Oleh itu, sistem prototaip yang akan dibangunkan dapat dimantapkan daripada satu peringkat ke satu peringkat yang lain melalui penilaian, pengujian dan komen pengguna sehingga sistem sebenar berjaya dihasilkan.

### **3.1.2 Fasa-fasa Metodologi Prototaip**

Dalam pembangunan prototaip terdapat empat fasa yang utama iaitu (1) Fasa Analisis Sistem, (2) Fasa Rekabentuk Sistem (3) Fasa Pembangunan Sistem dan (4) Fasa Pelaksanaan Sistem.

### 3.1.2.1 Fasa Analisis Sistem

Fasa Analisis Sistem tertumpu kepada pemahaman terhadap persekitaran sistem sahaja. Ia bertujuan mengenalpasti masalah-masalah utama pada sistem semasa. Pada peringkat ini maklumat yang berkaitan dengan Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dikumpulkan. Kaedah pengumpulan maklumat dilakukan dengan kaedah temubual dengan pengguna, carian pada laman-laman web dan bahan bacaan yang berkaitan. Setelah maklumat dikumpulkan dan digambarkan dengan jelas menerusi garis panduan kasar serta dijadikan panduan untuk mengenalpasti cadangan atau kesimpulan kepada masalah-masalah yang telah dinyatakan.

### 3.1.2.2 Fasa Rekabentuk Sistem

Fasa rekabentuk diperlukan bagi tujuan mengenalpasti persekitaran sistem yang mengandungi komponen-komponen dan ciri-ciri sistem yang akan dibangunkan. Beberapa aspek yang terkandung dalam fasa ini dirujuk kepada kepada kajian literatur yang terkandung dalam Bab II. Antara rujukan yang dibuat ialah berkenaan komponen dan ciri-ciri Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Selain itu, spesifikasi sistem seperti perkakasan, perisian dan lain-lain lagi turut dinyatakan.

### 3.1.2.3 Fasa Pembangunan Sistem

Fasa Pembangunan atau fasa implimentasi memperlihatkan pelaksanaan pembangunan aturcara, pembangunan antaramuka, pembangunan pangkalan logik dan pembangunan pangkalan pengetahuan. Fasa ini dilaksanakan secara iteratif yang merangkumi empat tugas berikut;

- i. **Memilih satu sub masalah untuk dibangunkan dahulu**  
Contohnya masalah untuk membuat *pairwise comparison* terhadap nilai pemberat kriteria-kriteria.

- ii. **Membangunkan sistem yang kecil tetapi boleh digunapakai untuk tujuan pemilihan**  
Langkah-langkah ini disusun bagi memenuhi kehendak sistem dan menghasilkan output yang sepatutnya. Dalam konteks ini, membuat *pairwise comparison* antara kriteria-kriteria yang diumpukkan ke dalam sistem.
- iii. **Menilai sistem secara konstan**  
Sistem tadi akan dilaksanakan berulang kali sehingga output yang dikehendaki diperolehi. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan ketepatan input dan output antaramuka yang digunakan.
- iv. **Memperbaiki, ubahsuai dan perembangkan sistem dalam proses kitaran**  
Proses-proses di atas akan diulang beberapa kali sehingga satu sistem yang stabil diperolehi.

#### 3.1.2.4 Fasa Pelaksanaan Sistem

Fasa ini merupakan fasa terakhir dalam pembangunan sistem metodologi prototaip. Dalam fasa inilah, prototaip yang dihasilkan akan diuji dengan maklumat atau data sebenar.

#### 3.1.3 Justifikasi Pemilihan Prototaip

Antara sebab-sebab pemilihan prototaip sebagai metodologi ialah:

1. Prototaip meningkatkan penglibatan dan komitmen pengguna yang tinggi dalam membangunkan system.
2. Penglibatan pengguna dalam pembangunan prototaip akan memudahkan pemahaman ke atas pendekatan dan fungsi sistem. Dengan ini latihan penggunaan sistem akan menjadi lebih mudah.
3. Kos dan masa latihan pengguna dapat diminimumkan.
4. Kos pembangunan sistem dapat dikurangkan kerana prototaip tidak dibuang sebaliknya digunakan sebagai sistem sebenar.

5. Kesalahan dan ralat pada sistem ini akan lebih mudah dikesan semasa prototaip dinilai dan diuji.
6. Dapat mengesan antaramuka yang tidak mesra

### 3.2 Keperluan Perkakasan dan Perisian

Dua komponen yang dipertimbangkan untuk membangunkan Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris ialah keperluan perkakasan dan keperluan perisian. Bahagian yang seterusnya akan menspesifikasikan perkakasan dan perisian yang diperlukan untuk membangunkan projek ini

#### 3.2.1 Keperluan Perkakasan

Jenis dan ciri-ciri perkakasan yang akan digunakan adalah seperti berikut:

Jadual 3.1: Keperluan Perkakasan

Perkakasan	Spesifikasi
1.Komputer	-Intel Pentium IV 1.5 GHz -RAM 128MB -Ruang Storan 10.0 GB
Tetikus dan kekunci	-Peranti input
Monitor SVGA	-Peranti output untuk paparan hasil

### 3.3.2 Keperluan Perisian

Beberapa perisian diperlukan semasa pembangunan projek dijalankan. Berikut adalah beberapa jenis perisian dan fungsinya dalam pembangunan projek Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Jadual 3.2 : Keperluan Perisian.

Perisian	Fungsi
Active Server Pages (ASP)	Mampu menyokong dan boleh berinteraksi sepenuhnya dengan pangkalan data yang digunakan. Kod aturcara yang ringkas bagi memudahkan lagi proses pembangunan sistem dan boleh merekabentuk sebuah antaramuka yang menarik. Boleh menyokong bahasa pengaturcaraan lain seperti HTML, JavaScript dan sebagainya .
Personal WebServer (PWS)	Sebagai pelayan persendirian untuk menguji operasi sistem semasa pembangunan sistem dijalankan.
Sistem Pengoperasian Windows ME	Windows ME dipilih sebagai sistem pengoperasian kerana kestabilannya lebih tinggi berbanding Windows yang lain di samping menyediakan fungsi-fungsi yang mudah dipelajari dengan antaramuka yang ramah pengguna.
Internet Explorer 4.0	Pelayar untuk menjana antaramuka pembangunan sistem sebagai paparan kepada pengguna.
Microsoft Access 2000	Satu sistem pengurusan pangkalan data yang mudah digunakan dan ramah pengguna.
Bahasa Pengaturcaraan HTML dan Javascript	HTML merupakan bahasa skrip piawai yang akan menentukan bagaimana teks dan grafik akan dipaparkan dalam web dan membolehkan paparan dokumen web dapat dilakukan walaupun pada pengimbas web yang berbeza. Javascript membolehkan keadaan yang mana data tidak perlu dihantar kepada pelayan untuk disahkan. Ini dapat memudahkan pengguna menerima maklum balas segera tanpa membazirkan masa penghantaran semula data.



Macromedia Dreamweaver MX	Alatbantu mengarang yang digunakan untuk merekabentuk antaramuka sistem dengan ciri-ciri ramah pengguna dan mudah digunakan.
JavaScript	Membolehkan paparan dokumen web dapat dilakukan walaupun pada pengimbas web yang berbeza. Javascript membolehkan keadaan di mana data tidak perlu dihantar kepada pelayan untuk disahkan. Ini dapat memudahkan pengguna menerima maklum balas segera tanpa membazirkan masa penghantaran semula data

### 3.3 Perancangan Kerja

Secara umumnya, perancangan kerja (Carta Gantt) bagi penyelidikan ini dihasilkan dengan menggunakan *Microsoft Project*. Keseluruhan aktiviti pembangunan sistem daripada fasa keperluan hingga perlaksanaan sistem telah direkodkan dengan menggunakan perisian ini.

### 3.4 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, perancangan projek adalah amat penting bagi menghasilkan rangka kerja yang sistematik. Perancangan kerja yang baik dapat memberikan keyakinan kepada pengguna seterusnya mendapat kerjasama dan komitmen daripada mereka. Seterusnya ia dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan kos yang diperuntukkan agar sistem siap pada masanya.

## BAB IV

### DATA DAN PERBINCANGAN

#### 4.0 Data

Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris memerlukan keperluan data yang terdiri daripada data-data hadis dan terjemahan daripada pengguna ahli, sumber daripada pihak Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) UTM yang dimasukkan oleh pentadbir sistem dan panel-panel sistem. Data ini dimasukkan oleh mereka melalui borang maklumat yang disediakan oleh sistem. **Rajah 4.0** di bawah merujuk kepada contoh borang maklumat yang digunakan oleh pengguna sistem.

The image shows a web-based data entry form. The title bar at the top reads ': : SILA MASUKKAN KESEMUA MAKLUMAT : :'. The form is organized into several sections:

- Nombor Hadis:** A dropdown menu with 'M' selected and an adjacent text input field.
- Nama Kitab:** A dropdown menu with 'Sahih Muslim' selected.
- Hadis:** A large, empty text area for entering the original text of the hadith.
- Terjemahan:** A large, empty text area for entering the translation of the hadith.
- Maksud Seert:** A text input field for a specific meaning or note.
- Nama Bab:** A text input field for the chapter name.
- Perawi:** A text input field for the narrator's name.

At the bottom right of the form, there are two buttons: 'Submit' and 'Reset'.


**Rajah 4.0** Borang input maklumat

## 4.1 Perbincangan


Perbincangan mengenai penyelidikan sistem ini yang melibatkan kajian ke atas hasil analisis dan rekabentuk yang diperlukan oleh sistem telah dijalankan dengan terperinci. Ia bertujuan untuk memastikan kesesuaian dalam mendapatkan keperluan sistem yang terbaik. Fasa hasil analisis dan rekabentuk terdiri daripada beberapa fasa iaitu aliran kerja fasa keperluan, aliran kerja fasa analisis, aliran kerja fasa rekabentuk, rekabentuk pangkalan data dan aliran kerja fasa pengujian. Kesemua proses ini akan diterangkan dengan lebih terperinci pada helaian seterusnya.

### 4.1.1 Aliran Kerja Fasa Keperluan

Dalam aliran kerja fasa keperluan ini, Kaedah Unified Modelling Language (UML) telah digunakan untuk memodelkan gambaran keseluruhan sistem. Kaedah ini merupakan kaedah rekabentuk berorientasikan objek. Dengan kaedah ini sesuatu perisian sistem difahami sebagai satu rangkaian objek-objek yang saling berkomunikasi antara satu sama lain. Objek-objek yang wujud dalam Program Perisian Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dipanggil kelas. Kelas-kelas ini pula akan ditunjukkan dengan terperinci setiap proses, aktor dan hubungan yang terlibat bagi setiap kelas dalam model Use Case ( Kes Guna). Sebelum merujuk kepada gambarajah kelas bagi sistem ini, gambarajah **Gambarajah 4.1.1a** di bawah menerangkan setiap hirarki yang wujud bagi kelas.




**Gambarajah 4.1.1a** Penerangan bagi setiap hirarki kelas



**Gambarajah 4.1.1b** Gambarajah kelas bagi Program Perisian Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

#### 4.1.1.1 Pemodelan Gambarajah Use Case (Kes Guna)

Pemodelan Use Case merujuk kepada kelakuan sistem melalui kes guna dan aktor yang terlibat. Ia merupakan satu teknik untuk menentusahkan dan menerangkan kelakuan sistem secara terperinci. Perlakuan sistem ini menunjukkan bagaimana sistem berhubung dan dihubungkan antara komponen dalaman dan luaran sistem.



**Gambarajah 4.1.1.1a:** Keterangan model use case bagi pengguna sistem.


Aktor	Penerangan
1. User:	
i. userahli	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merupakan mereka yang berupaya untuk menterjemah hadis daripada kalangan pengguna-pengguna yang menggunakan sistem.</li> <li>➤ Mereka boleh menggunakan sistem untuk mencari, memberi sebarang komen dan menterjemah hadis.</li> <li>➤ Setiap pengguna ini perlu mendaftar ke dalam sistem bagi membolehkan mereka melakukan terjemahan.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mungkin terdiri daripada kalangan mereka yang berpengetahuan luas dalam bidang hadis.</li> </ul>
ii. user	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Terdiri daripada pengguna yang menggunakan sistem ini untuk melakukan carian yang berkaitan dengan terjemahan hadis.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Boleh menggunakan fungsi komen pengguna di dalam sistem.</li> </ul>
Use Case	Penerangan
1. Proses Login	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Proses ini hanya digunakan oleh user sahaja.</li> <li>➤ Proses ini hanya boleh digunakan sekiranya user telah melakukan proses daftar untuk mendapatkan Username dan Password.</li> <li>➤ Proses ini merupakan proses kawalan. User perlu memasukkan Username dan Password yang betul untuk membolehkan user memasuki antaramuka Terjemahan Hadis.</li> </ul>
2. Proses Daftar	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Proses daftar digunakan sekiranya seseorang pengguna itu ingin menyumbangkan terjemahannya.</li> <li>➤ Melalui proses ini pengguna harus memasukkan maklumat diri dan username serta katalaluan yang akan digunakan sewaktu pengguna menggunakan proses login</li> </ul>

3. Proses Carian	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Merupakan proses utama sistem.</li><li>➤ Digunakan oleh sebarang pengguna untuk mencari maklumat tentang terjemahan hadis.</li><li>➤ Pengguna perlu memasukkan skop, pilihan dan katakunci carian serta tekan butang 'search'.</li><li>➤ Proses akan melakukan carian berdasarkan pilihan yang telah dibuat dan paparan maklumat yang wujud dalam pangkalan data akan dipaparkan kepada pengguna (sekiranya maklumat wujud).</li></ul>
4. Proses Komen	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Proses Komen boleh juga digunakan oleh sebarang pengguna untuk menyatakan sesuatu permasalahan seperti kesalahan terjemahan, pendapat dan sebagainya.</li><li>➤ Pengguna perlu memasukkan maklumat diri serta komen yang berkaitan sebelum komen ini boleh dihantar kepada pihak pentadbir.</li><li>➤ Sebarang komen dari pengguna akan disemak oleh pentadbir dan tindakan susulan akan dilakukan.</li></ul>

5. Proses Terjemahan Hadis	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Proses terjemahan hanya boleh digunakan oleh userahli sahaja.</li><li>➤ Apabila seseorang pengguna itu telah mendaftar untuk menterjemah hadis, mereka akan disertakan dengan katalaluan dan username bagi membolehkan mereka mengakses antaramuka terjemahan.</li><li>➤ Userahli akan melakukan terjemahan dan mereka akan menekan butang submit.</li><li>➤ Apabila butang submit ini ditekan, maklumat yang telah diterjemahkan akan dimasukkan ke dalam antaramuka Lembaga Pengesah untuk disemak sebelum maklumat ini disimpan terus ke dalam pangkalan data.</li></ul>
6. Proses Sign Out	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Proses ini merupakan suatu proses kawalan sebagai langkah keselamatan.</li><li>➤ Apabila pengguna selesai melakukan terjemahan, mereka perlu menekan butang Sign Out pada antaramuka pengguna. Sistem akan keluar dari antaramuka pengguna.</li></ul>






**Gambarajah 4.1.1.1b:** Keterangan model use case bagi ahli panel

<b>Aktor</b>	<b>Penerangan</b>
1. Ahli Panel	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mereka yang dipilih oleh Pusat Pembangunan Islam dan Pembangunan Sosial sebagai penterjemah.</li> <li>➤ Golongan yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang penterjemahan hadis.</li> </ul>
<b>Use Case</b>	<b>Penerangan</b>
1. Proses Login	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merupakan suatu proses yang perlu dilalui oleh setiap ahli panel.</li> <li>➤ Proses login akan memastikan hanya ahli panel yang sah sahaja boleh menggunakan antaramuka panel.</li> <li>➤ Dibangunkan untuk tujuan keselamatan.</li> </ul>
2. Proses Terjemah Hadis	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merupakan proses selanjutnya setelah proses login berjaya memastikan ahli panel yang sah telah menggunakan sistem.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Ahli panel perlu memasukkan kesemua maklumat berkaitan yang telah ditetapkan.</li></ul>
3. Proses Penghantaran Untuk Pengesahan	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Proses ini merupakan proses maya. Ia berlaku dalam sistem tanpa dapat dilihat oleh ahli panel.</li><li>➤ Setelah kesemua arahan pada proses terjemahan hadis telah dilaksanakan, proses ini akan menghantar kesemua maklumat terjemahan ke antaramuka lembaga penterjemah untuk pengesahan.</li></ul>
4. Proses Sign Out	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Suatu proses kawalan sebagai langkah keselamatan.</li><li>➤ Apabila Ahli Panel selesai melakukan terjemahan, mereka perlu menekan butang Sign Out pada antaramuka ahli panel. Sistem akan keluar dari antaramuka ahli panel.</li></ul>




**Gambarajah 4.1.1.1c** Keterangan model use case bagi administrator (pentadbir).

Aktor	Penerangan
1. Administrator (pentadbir)	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merupakan orang yang bertanggungjawab menguruskan dan mentadbir sistem.</li> <li>➤ Dilantik oleh pihak Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial UTM.</li> <li>➤ Mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam mentadbir sistem terutamanya dalam pengurusan pangkalan data.</li> </ul>
Use Case	Penerangan
1. Proses Login	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merupakan suatu proses yang perlu dilalui oleh pentadbir sebelum ke</li> </ul>

	<p>antaramuka seterusnya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Proses login akan memastikan hanya pentadbir yang sah sahaja boleh menguruskan sistem.</li> <li>➤ Dibangunkan untuk tujuan keselamatan.</li> </ul>
2. Proses Terjemah Hadis	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Proses ini merupakan salah satu proses yang ada di dalam sistem pentadbir dan perlu diuruskan oleh pentadbir.</li> <li>➤ Pentadbir perlu memasukkan kesemua maklumat yang telah disahkan oleh Lembaga Pengesah ke dalam pangkalan data.</li> </ul>
3. Proses Simpan Hadis yang Disahkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Proses ini merupakan proses maya. Ia berlaku dalam sistem tanpa dapat dilihat oleh pentadbir</li> <li>➤ Setelah kesemua arahan pada proses terjemahan hadis telah dilaksanakan, proses ini akan menghantar kesemua maklumat terjemahan ke pangkalan data.</li> </ul>

4. Proses Kemaskini Komen Pengguna	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Proses ini akan membawa pentadbir kepada antramuka paparan komen yang telah dibuat oleh pengguna sistem.</li><li>➤ Pentadbir akan bertindak menggunakan proses ini untuk menyemak kesemua komen pengguna yang telah disampaikan oleh pengguna berkaitan dengan sistem. Setelah itu tindakan susulan akan dilakukan.</li></ul>
5. Proses Sign Out	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Proses ini merupakan suatu proses kawalan sebagai langkah keselamatan.</li><li>➤ Apabila Pentadbir selesai melakukan tugas, butang Sign Out perlu ditekan bagi memastikan sistem keluar sepenuhnya dari sistem Pentadbir.</li></ul>




**Gambarajah 4.1.1.1d:** Keterangan model use case bagi lembaga pengesah.

Aktor	Penerangan
1. Lembaga Pengesah	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merupakan orang yang bertanggungjawab menganalisis dan mengemaskini kesemua maklumat yang telah diterjemahkan oleh pengguna.</li> <li>➤ Dilantik oleh pihak Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial UTM.</li> <li>➤ Merupakan golongan pakar hadis yang telah disahkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).</li> </ul>
Use Case	Penerangan
1. Proses Sahkan Terjemahan Oleh Ahli Panel dan User	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merupakan proses utama dalam sistem Lembaga Pengesah.</li> <li>➤ Proses ini akan memaparkan kesemua terjemahan yang telah</li> </ul>

	<p>dilakukan sebagai semakkan Lembaga Pengesah.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Melalui proses ini, Lembaga Pengesah akan melakukan pengemaskinian sama ada sesuatu terjemahan itu adalah benar dan boleh disimpan untuk capaian pengguna sistem.</li> </ul>
2. Proses Penghantaran Untuk Disimpan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Proses ini merupakan satu proses maya yang tidak dapat dilihat oleh Lembaga Pengesah.</li> <li>➤ Kesemua terjemahan yang disahkan benar, akan dihantar kepada pentadbir untuk disimpan ke pangkalan data melalui proses ini.</li> </ul>

#### 4.1.2 Aliran Kerja Fasa Analisis

Aliran kerja fasa analisis akan menyelidik dan menghuraikan segala keperluan yang diperolehi daripada aliran kerja fasa keperluan. Kajian ke atas sistem semasa yang telah dibuat dari masa ke masa adalah penting untuk memahami objektif perisian sebenar. Pada aliran kerja fasa analisis, model use case yang telah dihasilkan pada aliran kerja fasa keperluan akan dianalisis dan diperincikan untuk mendapatkan gambaran jelas senibina Program Perisian Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. **Rajah 4.1.2** di bawah merujuk kepada aliran kerja fasa analisis bagi Program Perisian Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.



**Rajah 4.1.2 :** Gambarajah aliran kerja fasa analisis

### 4.1.3 Aliran Kerja Fasa Rekabentuk

Fasa ini merupakan lanjutan daripada aktiviti dalam aliran kerja fasa keperluan. Dalam fasa ini, fungsi-fungsi atau proses yang dikenal pasti daripada spesifikasi keperluan diterjemahkan kepada komponen-komponen perisian yang lebih kompleks. Selain itu, fasa ini juga akan mengenal pasti dengan lebih terperinci setiap proses dan hubungan-hubungannya bagi memudahkan proses pengekodan pada fasa perlaksanaan. Pada awal proses rekabentuk, beberapa data peniskalan bagi setiap modul dikenal pasti. Data peniskalan ini merupakan kelas-kelas dalam sistem yang ditentukan berdasarkan operasi bagi setiap laporan yang telah diperolehi daripada analisis keperluan. Setelah itu, atribut operasi bagi setiap data peniskalan serta hubungan antara objek-objek yang ditakrifkan dikenal pasti. (Rujuk **Gambarajah 4.1.1b** bagi rajah kelas sistem).

Dalam fasa ini juga, penyelesaian dipecahkan dan diperincikan kepada bentuk sistem yang berstruktur. Unit sistem merupakan pecahan sistem terkecil yang tidak boleh dipecahkan lagi. Unit sistem ini ditulis menggunakan bahasa biasa. Ini adalah



untuk memudahkan proses pengekodan pada fasa berikutnya nanti. Seterusnya, aktiviti-aktiviti lain seperti rekabentuk input, rekabentuk output juga dikenal pasti dan diteliti.

#### 4.1.3.1 Rekabentuk Pangkalan Data

Semua data-data yang berkaitan dengan Program Perisian Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berada dalam satu pangkalan data yang bernama *hadis*. Pangkalan data ini menggunakan perisian Microsoft Access 2000. Dalam pangkalan data *hadis* pula terdiri daripada beberapa ‘*table*’ iaitu *administrator*, *ahlipanel*, *hadis*, *lembagapengesah*, *user* dan *userahli*.

##### 4.1.3.1.1 *Table administrator*

*Table* ini menyimpan *username* dan *password* bagi pentadbir sistem. Ini bagi memastikan hanya pentadbir sistem yang sah sahaja boleh menggunakan sistem. Spesifikasi pangkalan data bagi *table administrator* adalah seperti **jadual 4.1.3.1.1** di bawah.

**Jadual 4.1.3.1.1** *Table administrator*

Medan	Jenis Medan	Saiz Medan
username	text	15
password	text	15

##### 4.1.3.1.2 *Table ahlipanel*

*Table* ini menyimpan *ID*, *nama*, *alamat*, *pekerjaan*, *email*, *nopanel*, *username* dan *password*. Kesemua medan-medan ini menyimpan kesemua maklumat ahli panel yang terlibat dengan sistem. Bagi memastikan sistem ini selamat, setiap ahli panel perlu memastikan *username*, *password* dan *nopanel* yang dimasukkan adalah betul. Spesifikasi pangkalan data bagi *table ahlipanel* adalah seperti **jadual 4.1.3.1.2** di bawah.

**Jadual 4.1.3.1.2** *Table ahlipanel*

<b>Medan</b>	<b>Jenis Medan</b>	<b>Saiz Medan</b>
ID	autonumber	long integer
nama	text	30
alamat	text	100
pekerjaan	text	20
email	text	40
nopanel	text	10
username	text	20
password	text	15

**4.1.3.1.3** *Table hadis*

*Table* ini menyimpan *ID*, *nohadis*, *namakitab*, *hadis*, *terjemahan*, *seerti*, *tajuk*, *perawi* dan *status*. Kesemua medan ini akan dimasukkan oleh pentadbir pengguna ahli dan ahli panel. Setiap maklumat yang dimasukkan ke dalam medan, tidak akan dipaparkan terus kepada pengguna. Setiap maklumat ini akan disemak oleh lembaga pengesah terlebih dahulu sebelum boleh dicapai oleh pengguna. Spesifikasi pangkalan data bagi *hadis* adalah seperti **jadual 4.1.3.1.3** di bawah.

**Jadual 4.1.3.1.3** *Table hadis*

<b>Medan</b>	<b>Jenis Medan</b>	<b>Saiz Medan</b>
ID	autonumber	long integer
nohadis	number	long integer
namakitab	text	30
hadis	memo	-
terjemahan	memo	-
seerti	text	50

tajuk	text	20
perawi	text	50
status	text	15

#### 4.1.3.1.4 *Table lembagapengesah*

Table ini menyimpan *ID, nama, alamat, pekerjaan, email, nopengesah, username* dan *password*. Kesemua medan-medan ini menyimpan kesemua maklumat lembaga pengesah yang dilantik oleh PPIPS. Bagi memastikan sistem ini selamat, setiap ahli lembaga pengesah perlu memastikan *username, password* dan *nopengesah* yang dimasukkan adalah betul. Spesifikasi pangkalan data bagi *table lembagapengesah* adalah seperti **jadual 4.1.3.1.4** di bawah.

**Jadual 4.1.3.1.4** *Table lembagapengesah*

Medan	Jenis Medan	Saiz Medan
ID	autonumber	long integer
Nama	text	30
Alamat	text	100
Pekerjaan	text	20
Email	text	40
Nopengesah	text	10
Username	text	20
Password	text	15

#### 4.1.3.1.5 *Table user*

Table ini menyimpan *ID, nama, pekerjaan, email, perkara* dan *komen*. Ia akan menyimpan sebarang komen yang dibuat oleh pengguna. Pihak pentadbir sistem akan melakukan semakan bagi setiap komen yang dihantar oleh pengguna. Bagi memastikan sistem ini tidak disalah gunakan oleh mereka yang tidak bertanggung jawab, setiap

pengguna perlu mengisi setiap medan yang disediakan oleh sistem sebelum mereka boleh memasukkan komen mereka. Spesifikasi pangkalan data bagi *table user* adalah seperti **jadual 4.1.3.1.5** di bawah.

**Jadual 4.1.3.1.5** *Table user*

Medan	Jenis Medan	Saiz Medan
ID	autonumber	long integer
nama	text	50
pekerjaan	text	30
email	text	30
perkara	text	100
komen	memo	-

#### 4.1.3.1.6 *Table userahli*

Table ini menyimpan *ID, nama, alamat, pekerjaan, email, username* dan *password*.

Kesemua medan-medan ini menyimpan kesemua maklumat pengguna ahli. Bagi memastikan sistem ini selamat, setiap pengguna ahli yang ingin melakukan terjemahan perlu memastikan *username dan password* yang dimasukkan adalah betul. Spesifikasi pangkalan data bagi *table userahli* adalah seperti **jadual 4.1.3.1.6** di bawah.

**Jadual 4.1.3.1.6** *Table userahli*


Medan	Jenis Medan	Saiz Medan
ID	autonumber	long integer
nama	text	30
alamat	text	100
pekerjaan	text	20
email	text	50
username	text	20
password	text	15

#### 4.1.4 Aliran Kerja Fasa Pengujian

Pada aliran kerja ini, fungsian sistem akan diuji secara berperingkat bermula dengan pengujian unit hingga ke pengujian sistem. Pengujian Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah diperlukan bagi mengenal pasti kelemahan atau ralat yang wujud dalam sistem sebelum ia boleh diguna pakai. Pengujian juga penting bagi memastikan sistem yang dibangunkan ini mencapai objektif yang dikehendaki.

##### 4.1.4.1 Proses Pengujian

Pengujian terhadap sistem yang dibangunkan bukannya satu kerja yang mudah, malah ia melibatkan beberapa peringkat yang mempunyai objektif yang berbeza. Secara umumnya, proses pengujian sistem dilakukan mengikut empat peringkat seperti yang dinyatakan pada **Rajah 4.1.4.1**.



**Rajah 4.1.4.1:** Proses pengujian

##### 4.1.4.1.1 Pengujian Unit

Pengujian unit merupakan peringkat pengujian yang pertama yang bertujuan untuk menguji unit perisian yang terkecil iaitu modul yang melaksanakan fungsi tertentu. Modul-modul akan diuji secara individu untuk memastikannya dapat berfungsi seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi keperluan.

#### **4.1.4.1.2 Pengujian Integrasi**

Modul-modul yang telah diuji pada peringkat pertama tadi akan diintegrasikan dan pengujian kepada kombinasi modul dilakukan untuk memastikan modul-modul dapat berinteraksi antara satu sama lain dengan betul. Peringkat ini akan memastikan data-data dapat bergerak dengan baik daripada satu antaramuka modul ke satu antaramuka modul yang lain.

#### **4.1.4.1.3 Pengujian Sistem**

Peringkat ini pula menumpukan ujian terhadap subsistem-subsistem yang telah diintegrasikan untuk memastikan kecekapannya. Pengujian sistem akan mengesan ralat yang mungkin wujud akibat interaksi antara subsistem dengan komponen lain dan berfungsi sebagai pengesahan untuk membuktikan sistem dapat memenuhi keperluan pengguna.

#### **4.1.4.1.4 Pengujian Penerimaan**

Peringkat terakhir dalam proses pengujian ialah pengujian penerimaan yang dilakukan oleh pengguna. Pada peringkat ini pengguna diberikan peluang untuk menguji sistem dengan data yang sebenar. Ini bertujuan untuk mengesan ralat-ralat yang hanya mampu dikesan oleh pengguna sendiri dan seterusnya memastikan sistem yang dibangunkan benar-benar memenuhi kehendak pengguna.

#### **4.1.4.2 Strategi Pengujian**


Terdapat dua asas strategi pengujian iaitu pengujian kotak hitam dan pengujian kotak putih.

#### 4.1.4.2.1 Pengujian Kotak Hitam

Pengujian kotak hitam berperanan penting dalam menguji modul-modul yang dibangunkan untuk memastikannya berupaya untuk melaksanakan fungsi dengan sempurna. Pengujian luaran yang memfokuskan terhadap apa yang dijangka oleh pengguna agar output yang dihasilkan dapat menepati keperluan pengguna. Ia turut bertujuan untuk mengesan ralat seperti fungsi yang salah atau tertinggal, ralat antaramuka, ralat dari segi struktur data atau capaian terhadap pangkalan data, ralat pelaksanaan dari segi kelajuan dan keberkesanan, ralat pada permulaan dan penamatan perisian.

##### i. Ujian Ke Atas Input Data

Ia dilakukan demi memastikan data yang sah sahaja dimasukkan oleh pengguna sistem. Sebagai contoh, pengguna dikehendaki untuk menginputkan data yang sah sebelum dapat memasuki sistem. Berikut merupakan mesej ralat yang akan dipaparkan sekiranya pengguna memasukkan kata laluan yang tidak sah



The screenshot displays the login interface of the 'Sistem Direktori Hadis Dwi Bahasa' (Melayu). The page features a navigation menu with 'Main', 'Komen Pengguna', and 'Bantuan Carian'. A 'MENU DAFTAR PENGGUNA' section is visible, containing a 'MENU LOGIN' sidebar with icons for 'user', 'panel', and 'pengesah'. The main content area shows a 'Login' form with fields for 'User Name' and 'Password', and 'Submit' and 'Cancel' buttons. A red error message reads: 'PERHATIAN: User Name dan Password tidak betul!!!'.

Rajah 4.1.4.2.1: Contoh mesej ralat apabila input tidak sah dimasukkan

## **ii. Ujian Ke Atas Output Data**

Seperti juga ungkapan “ *Garbage In, Garbage Out*”, maka hanya input yang sah dan betul sahaja yang akan menghasilkan output yang tepat dan berkualiti. Output data yang dihasilkan oleh sistem boleh dibandingkan dengan output sebenar iaitu data ujian yang digunakan.

## **iii. Ujian Terhadap Antaramuka**

Pengujian antaramuka pula dilakukan untuk mengesahkan antaramuka sistem yang dibangunkan dapat berhubung dengan baik antara satu modul-dengan satu modul yang lain. Selain itu, aliran parameter-parameter antara skrin dipastikan dapat dihantar daripada skrin sumber ke skrin destinasi dengan kejituan yang tinggi.

### **4.1.4.2.2 Pengujian Kotak Putih**

Pengujian kotak putih merupakan pemeriksaan terperinci ke atas kod sumber dan struktur data sistem. Setiap laluan dalam modul akan diuji sekurang-kurangnya sekali untuk memastikan kod aturcara ditulis mengikut aliran logik yang betul. Ini jelas menunjukkan bahawa objektif utama bagi pengujian ini ialah untuk memastikan keberkesanan fungsi tertentu agar dapat beroperasi seperti yang dijangkakan.

## **i. Strategi Pengujian Bersama Pengguna**

Strategi pengujian bersama pengguna yang dipilih adalah pengujian Alpha yang dilakukan oleh pengguna dengan data ujian. Segala permasalahan yang timbul akan dicatat dan pembaikan akan dilaksanakan demi menyelesaikan masalah tersebut. Berikut merupakan kaedah-kaedah yang digunakan dalam melakukan pengujian bersama pengguna.



**a. Demonstrasi Sistem**

Sebelum sistem dapat digunakan oleh pengguna, satu demonstrasi akan dilakukan. Demonstrasi ini bertujuan untuk memberi tunjuk ajar kepada pengguna untuk menggunakan sistem.

**b. Penilaian**

Untuk mempertingkatkan kualiti sistem yang dibangunkan, penilaian pengguna dengan menggunakan borang penilaian telah dilakukan untuk mendapatkan maklumbalas mereka terhadap sistem ini. Komen dan cadangan pengguna memainkan peranan penting dalam usaha penulis untuk memperbaiki sistem pada masa yang akan datang.

**c. Hasil Pengujian**

Pengujian yang dilakukan dengan baik dan teliti akan menghasilkan satu sistem yang lengkap serta bebas daripada sebarang ralat. Secara tidak langsung ia akan menambah nilai kualiti dan kepercayaan sistem yang seterusnya dapat mencapai objektif yang ditetapkan pada permulaan pembangunan sistem. Apa yang penting adalah kepuasan pengguna terhadap sistem yang dibangunkan.

#### **4.1.4.3 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, fasa pengujian akan dijalankan secara berperingkat untuk memudahkan proses menyahralat. Umumnya, pengujian akan dilakukan ke atas struktur data, kefungsi sistem serta komponen sistem untuk mengesan kesilapan dan kekurangan sistem. Pengujian yang berkesan akan menghasilkan suatu sistem yang lengkap dan berkualiti serta bebas daripada sebarang ralat. Dengan adanya peningkatan nilai kualiti dan kepercayaan sistem, maka pengguna akan berpuas hati dengan sistem yang dibangunkan.

## **BAB V**

### **KESIMPULAN & CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang dibangunkan ini diharap dapat memenuhi kehendak pengguna iaitu masyarakat Islam Malaysia dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan terjemahan hadis Sahih Muslim dan Sahih al-Bukhari. Selain itu, sistem ini diharap mampu menjadi satu sumber rujukan yang utama dalam membantu umat Islam meningkatkan pengetahuan tentang hadis. Sistem ini merupakan sebuah sistem carian berasaskan web yang membolehkan pengguna menggunakannya pada bila-bila masa.

#### **5.1 Masalah dan Kelemahan Perisian**

Walaupun Program Perisian Direktori Hadis Mengenai Muamalat Dalam Edisi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dilihat mempunyai banyak kelebihan dan memudahkan pengguna, terdapat juga kelemahan dan masalah yang wujud. Antara kelemahan yang wujud dan dikenal pasti adalah;

##### **1. Skop carian hanya terhad kepada dua kategori carian sahaja**

Oleh kerana sistem ini terhad kepada dua kategori carian sahaja iaitu Sahih Muslim dan Sahih al-Bukhari sahaja, maka ia dilihat tidak mampu membantu pengguna yang berkehendakkan maklumat-maklumat terjemahan daripada kitab hadis yang lain.

## **2. Maklumat bergantung kepada pihak pengguna, panel-panel dan sumber daripada Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) UTM**

Maklumat terjemahan hadis ini diperolehi sepenuhnya daripada sumbangan pengguna luar iaitu di kalangan pengguna biasa yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang terjemahan hadis. Selain itu sistem ini juga bergantung kepada sumber yang dibekalkan oleh panel-panel yang dilantik oleh pihak Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial UTM serta jabatan mereka sendiri. Masalahnya ialah sekiranya pihak yang bertanggungjawab ini gagal berfungsi dengan baik menyebabkan data sistem tidak dapat dipenuhi dalam masa yang singkat.

## **3. Maklumat terjemahan bergantung kepada lembaga pengesah untuk disahkan**

Kesemua maklumat yang diterjemahkan oleh panel-panel dan pengguna perlu disahkan terlebih dahulu oleh lembaga pengesah sebelum boleh disimpan dan dicapai oleh pengguna. Lembaga pengesah ini terdiri daripada golongan pakar hadis yang dilantik oleh Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial UTM serta mendapat pengiktirafan daripada pihak Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Tugas lembaga pengesah ialah menyemak setiap terjemahan yang diterjemahkan bagi mengelakkan berlakunya kesalahan terjemahan yang boleh mendatangkan kesan kepada pengguna. Masalah akan timbul sekiranya lembaga terjemah ini gagal bertindak dengan pantas untuk melakukan pengesahan dan lalai sewaktu melakukan semakan.

## **5.2 Cadangan Pembaikan dan Peningkatan Sistem**

Antara cadangan yang dikemukakan bagi melengkapkan sistem ini ialah;

### **1. Menambahkan kategori carian**

Kategori carian perlu ditambah kepada kitab hadis yang lain di samping Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Oleh itu, keupayaan sistem membekalkan maklumat hadis dan terjemahannya menjadi semakin meluas dan diperlukan oleh pengguna.

## **2. Melakukan penelitian dalam membuat pemilihan panel-panel dan lembaga pengesah**

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Islam (PPIPS) UTM merupakan organisasi yang berhak sepenuhnya ke atas sistem ini. Oleh itu, pihak ini bertanggungjawab membuat pemilihan bagi menentukan panel-panel dan lembaga pengesah yang layak. Pemilihan ini perlulah dilakukan dengan teliti dan tidak berkompromi bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja untuk jawatan tersebut. Pemilihan perlu daripada aspek ketinggian ilmu pengetahuan yang dimiliki, kesungguhan dan ketelitian dalam melakukan tugas dan sifat bertanggungjawab. Semua kriteria ini perlu diambil kira bagi memastikan sistem ini memenuhi objektif yang ditetapkan.

## **3. Mendapatkan sumbangan kewangan daripada pihak luar**

Sememangnya sistem ini memerlukan sokongan terutama daripada pihak kerajaan atau swasta dalam menghulurkan bantuan kewangan ke atas pembangunan sistem. Dengan sumber kewangan yang mencukupi, sistem ini mampu diperbesarkan skopnya dan meningkatkan kesungguhan ahli panel dan lembaga pengesah yang dilantik. Ini kerana tugas melakukan terjemahan dan penelitian dalam membuat pengesahan adalah tugas yang cukup rumit. Jika setiap tugas mereka ini dibayar, sekurang-kurangnya mereka akan merasakan kerja yang dibuat oleh mereka ini dihargai dan diiktiraf. Secara tidak langsung mereka akan menjadi lebih bertanggungjawab.

## **5.3 Kesimpulan**

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk membangunkan suatu sistem yang memberi kemudahan carian hadis berasaskan web kepada masyarakat Islam di Malaysia untuk mencari hadis dan terjemahannya. Kemudahan yang disediakan oleh sistem ini dilihat lebih baik berbanding sistem sedia ada. Ia bukan sahaja mempunyai antaramuka yang ramah pengguna, bahkan mempunyai kaedah pengumpulan maklumat terjemahan hadis yang teliti. Selain itu, ia membekalkan kemudahan carian maklumat terjemahan hadis yang tepat dan pantas. Adalah diharapkan sistem ini bukan sahaja dapat memenuhi objektif penyelidikan tetapi memberi manfaat kepada setiap pengguna yang menggunakannya.

NO.	PROJECT ACTIVITIES	YEAR 2002				YEAR 2003			
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4
1	Example : Commisioning of prototype			■		■ ●			
1.	Perbincangan di kalangan para penyelidik - penulisan proposal. - penulisan literature review.		■ ●						
2.	Penyaringan hadis-hadis tentang muamalat daripada Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.		■	■ ●					
3.	Menyusun hadis-hadis mengikut bab-bab utama			■	■ ●				
4.	Membina perisian direktori pencarian hadis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.					■	■ ●		
	Technology Transfer Activities :								

Notes :

Q1 : First Quarter (Jan, Feb, Mar), etc.

● : Milestone, eg : Commissioning of prototype

Technology Transfer Activities – post research activities , eg . exhibition,  
Negotiation of contract for commercialization.

**LAMPIRAN A**  
**Carta Gantt (Operational Plan)**

NO.	PROJECT ACTIVITIES	YEAR 2002				YEAR 2003													
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4										
1	Example : Commissioning of prototype																		
1.	Perbincangan di kalangan para penyelidik - penulisan proposal. - penulisan literature review.																		
2.	Penyaringan hadis-hadis tentang muamalat daripada Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.																		
3.	Menyusun hadis-hadis mengikut bab-bab utama																		
4.	Membina perisian direktori pencarian hadis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.																		
	Technology Transfer Activities :																		

Notes :

Q1 : First Quarter (Jan, Feb, Mar), etc.  
● : Milestone, eg : Commissioning of prototype  
Technology Transfer Activities – post research activities , eg . exhibition,  
Negotiation of contract for commercialization.

## LAMPIRAN B

## Data Ujian Bagi Hadis Al-Bukhari

Sahih Al-Bukhari-Data Ujian

1395- حَدَّثَنَا أَبُو عَاصِمٍ الضَّحَّاكُ بْنُ مَخْلَدٍ عَنْ زَكَرِيَاءَ بْنِ إِسْحَاقَ عَنْ يَحْيَى بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ صَيْفِيٍّ عَنْ أَبِي مَعْبُدٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ ادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةَ فِي أَمْوَالِهِمْ تَأْخُذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ \*

1395 - Abu ʿĀsim al-Dahhāk bin Makhlad telah memberitahu kami, daripada Zakaria bin Ishāq, daripada Yahyā bin ʿAbdillāh bin Sayfi, daripada Abu Maʿbad, daripada Ibn ʿAbbās r.a., bahawa Nabi s.a.w. mengutus Muʿādh r.a. ke Yaman (sebagai gabenor di samping menyebarkan Islam), lalu beliau s.a.w. bersabda: "Serulah mereka itu (penduduk Yaman) kepada syahadah (persaksian) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya aku (Muhammad) adalah utusan Allah. Jika mereka mentaati perintahmu itu, maka beritahulah kepada mereka bahawa sesungguhnya Allah telah mewajibkan kepada mereka solat lima waktu dalam sehari dan semalam. Jika mereka mentaati hal yang sedemikian itu, maka beritahulah mereka bahawa sesungguhnya Allah telah mewajibkan zakat ke atas mereka daripada sebahagian harta mereka dan diberikan kepada orang-orang miskin daripada kalangan mereka."

**Takhrij:** al-Bukhāri, Sahih al-Bukhāri, Dār al-Fikr, Beirut, 1994, Kitab *al-Zakāh*, bab *Wujub al-zakāh*, juz. 2, hlm. 133.

**No. hadis:** B 1395

2047- حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ حَدَّثَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي سَعِيدُ بْنُ الْمُسَيَّبِ وَأَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ ((إِنَّمَا تَقُولُونَ: إِنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ يُكْثِرُ الْحَدِيثَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَتَقُولُونَ: مَا بَالُ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ لَا يُحَدِّثُونَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمِثْلِ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ؟ وَإِنَّ إِخْوَتِي مِنَ الْمُهَاجِرِينَ كَانُوا يَشْغَلُهُمْ صَفْقُ بِالِالسُّوَّاقِ وَكُنْتُ أَلْزِمُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى مِلءِ بَطْنِي، فَأَشْهَدُ إِذَا غَابُوا، وَأَحْفَظُ إِذَا نَسُوا. وَكَانَ يَشْغَلُ إِخْوَتِي مِنَ الْأَنْصَارِ عَمَلُ أَمْوَالِهِمْ، وَكُنْتُ أَمْرًا مَسْكِينًا مِنْ مَسَاكِينِ الصُّفَّةِ أَعْيَ حِينَ يَنْسُونَ، وَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَدِيثٍ يُحَدِّثُهُ: ((إِنَّهُ لَنْ يَبْسُطَ أَحَدٌ ثَوْبَهُ حَتَّى أَقْضِيَ مَقَالَتِي هَذِهِ ثُمَّ يَجْمَعُ إِلَيْهِ ثَوْبَهُ إِلَّا وَعَى مَا أَقُولُ))، فَبَسَطْتُ ثَمْرَةً عَلَيَّ، حَتَّى إِذَا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَقَالَتَهُ جَمَعْتُهَا إِلَى صَدْرِي، فَمَا نَسِيتُ مِنْ مَقَالَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِلْكَ مِنْ شَيْءٍ.

